

DS 1 PENYEDIAAN ASAS INFRASTRUKTUR YANG INKLUSIF

Cadangan inisiatif bagi penyediaan asas infrastruktur desa adalah melibatkan sembilan (9) tindakan strategik bagi mencapai perancangan Desa Sejahtera. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

DS 1.1: Penyediaan Bekalan Air Bersih yang Mencukupi dan Berterusan

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Penemuan Strategik:

- Gangguan bekalan air disebabkan sistem pam telaga tiub tidak berfungsi, musim kemarau yang berpanjangan dan tekanan air rendah.

Justifikasi Cadangan:

- Menyediakan infrastruktur sistem pengagihan dan retikulasi paip bekalan air bagi kawasan yang menghadapi masalah.
- Menambahbaik tekanan bekalan air yang rendah dan terputus.

Komponen Cadangan:

- Menyediakan liputan rangkaian bekalan air Ranhill SAJ atau menaik taraf muatan simpanan air utama di perkampungan orang asli di Mersing dan Kluang.
- Menaiktaraf sistem bekalan air di perkampungan pulau-pulau di Mersing dengan meningkatkan keupayaan muatan simpanan air utama di Pulau Pemanggil, Pulau Besar dan Pulau Tinggi. Menambahbaik tekanan bekalan air di Kg. Seri Aman, Mukim Sungai Punggur, Batu Pahat.
- Menambahbaik kaedah pengurusan penyelenggaraan sistem secara berpusat bagi sistem bekalan alternatif.
- Cadangan kajian lanjutan bagi penambahbaikan bekalan air bagi keseluruhan kawasan pulau.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **14 kampung**.

| Daerah | Kampung Dalam Bandar | Kampung Luar Bandar/Desa |
|---------------|----------------------|--------------------------|
| Batu Pahat | - | 1 |
| Kluang | - | 5 |
| Mersing | - | 8 |
| Jumlah | - | 14 |

AGENSI PELAKSANA

| Pemula | Pelaksana |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • JPKK • Pejabat Daerah | <ul style="list-style-type: none"> • KPLB • Ranhill SAJ • BPEN • KUJ • BAKAJ |


KAEDAH PELAKSANAAN

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam.
- Pejabat Daerah dijadikan pusat aduan dan pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif.
- Mewujudkan pusat aduan setempat kerosakan dan penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif di Pejabat Daerah bagi memudahkan pemantauan dan pengurusan penyelenggaraan.

ANGGARAN KOS

- Kos Pembinaan Tangki Sedutan = RM 500,000
- Kos Pembinaan Tangki Pembahagian = RM 1,000,000
- Kos Rumah Pam & Peralatan = RM 1,000,000
- Kos Paip Retikulasi: RM 2,000,000
- Jumlah anggaran kos terlibat = RM 4,500,000

FASA PELAKSANAAN



Penemuan Strategik

Penemuan kajian mendapati 14 kampung (2%) dikenal pasti menghadapi masalah berkaitan bekalan air. Masalah yang dihadapi termasuklah isu gangguan bekalan air terputus, tekanan air rendah, penggunaan telaga, isu paip lama, ketiadaan bekalan air di kawasan perumahan baru dan di kawasan ternakan serta isu paip besar jauh.

Secara keseluruhannya, kawasan kampung orang asli di Daerah Kluang dan Mersing masih menggunakan bekalan air alternatif seperti telaga dan masih menghadapi isu bekalan air yang berterusan. Manakala isu bekalan air kawasan kepulauan Mersing masih dihadapi berikutan lokasi yang jauh dari kawasan daratan.

Lain-lain isu permasalahan yang dihadapi adalah melibatkan tekanan air yang perlahan yang mengehadkan penggunaan bekalan air terutamanya kawasan kampung yang berada jauh di kawasan pedalaman.

Dalam merencana pembangunan infrastruktur yang berkesan, aspek penyediaan dan penyelenggaraan bekalan air bersih hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan kelangsungan bekalan air bersih untuk kawasan desa. Perincian kawasan yang terlibat adalah seperti Rajah 5.1.


Perincian tindakan cadangan adalah seperti berikut:

- Melantik perunding kejuruteraan untuk kajian lanjut dan menyediakan pelan infrastruktur bekalan air yang merangkumi paip pengagihan, tangki sedut, sistem pam, rumah pam, tangki perkhidmatan, paip retikulasi, paip perhubungan dan tangki simpanan air domestik individu di perkampungan orang asli.
- Menaik taraf muatan simpanan air utama di perkampungan pulau-pulau Mersing terutama sekali di Pulau Pemanggil, Pulau Besar dan Pulau Tinggi di Mersing bagi mengurangkan risiko gangguan bekalan air di musim kemarau.
- Menambahbaik tekanan bekalan air di Kg. Seri Aman, Batu Pahat.
- Mewujudkan pusat aduan setempat kerosakan dan penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif di Pejabat Daerah bagi memudahkan pemantauan dan pengurusan penyelenggaraan.

Rajah 5.1: Cadangan Penekanan Kawasan Gangguan Bekalan Air


BATU PAHAT

■ Tiada ■ Ada




KLUANG

■ Tiada ■ Ada



MERSING

■ Tiada ■ Ada



Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021


Dalam usaha mencapai kawasan desa yang sejahtera dan lengkap dengan kemudahan asas infrastruktur, berikut merupakan senarai kampung-kampung yang telah dikenal pasti dan perlu diberikan penekanan segera.

Jadual 5.1: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Air

| Daerah | Mukim | Bil | Lokasi | Bekalan Air Semasa/ Isu Permasalahan | Bil. Rumah | Cadangan |
|------------|-----------------|----------------------|-----------------------------------|---|---------------|-----------------------|
| Batu Pahat | Sg Punggor | 1. | Kg Seri Aman | Tekanan air rendah | - | Naik taraf paip utama |
| Kluang | Kahang | 2. | Kg. Orang Asli Sedohok (KOA) | Telaga Tiub | 43 | Bina baru |
| | | 3. | Kg. Orang Asli Sungai Peroh (KOA) | Telaga Tiub | 24 | Bina baru |
| | | 4. | Kg. Orang Asli Pucur (KOA) | Telaga Tiub | 21 | Bina baru |
| | Niyor | 5. | Kg. Orang Asli Air Pasir (KOA) | Telaga Tiub | 34 | Bina baru |
| | | 6. | Kg. Orang Asli Kuala Sengka (KOA) | Telaga Tiub | 18 | Bina baru |
| Mersing | Lenggor | 7. | Kg. Orang Asli Sungai Tuba | Telaga Tiub | 21 | Bina baru |
| | | 8. | Kg. Orang Asli Pengkalan Bukit | Telaga Tiub | 10 | Bina baru |
| | Pulau Besar | 9. | Kg. Busong | Telaga Tiub | 12 | Bina baru |
| | Pulau Pemanggil | 10. | Kg. Buau | Air Bukit + Telaga Tiub | 20 | Bina baru |
| | Pulau Tinggi | 11. | Kg. Tanjung Balang | Air Bukit + Telaga Tiub | 44 | Bina baru |
| | Sembrong | 12. | Kg. Orang Asli Peta | Telaga Tiub | 72 | Bina baru |
| | | 13. | Kg. Orang Asli Tewowoh | Telaga Tiub | 13 | Bina baru |
| 14. | | Kg. Orang Asli Punan | Telaga Tiub | 52 | Bina baru | |

Sumber: Kajian Lapangan dan Sesi Bengkel FGD, 2021

Rajah 5.2: Senarai Kampung yang Perlu Dipertingkatkan Agihan Bekalan Air



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:


- Taburan Kampung
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- 1 Kampung cadangan

Kampung terlibat:


- | | |
|-----------------------------------|---------------------------------|
| 1. Kg. Seri Aman | 12. Kg. Orang Asli Pucur |
| 2. Kg. Orang Asli Sungai Tuba | 13. Kg. Orang Asli Air Pasir |
| 3. Kg. Orang Asli Pengkalan Bukit | 14. Kg. Orang Asli Kuala Sengka |
| 4. Kg. Busong | |
| 5. Kg. Buau | |
| 6. Kg. Tanjung Balang | |
| 7. Kg. Orang Asli Peta | |
| 8. Kg. Orang Asli Tewowoh | |
| 9. Kg. Orang Asli Punan | |
| 10. Kg. Orang Asli Sedohok | |
| 11. Kg. Orang Asli Sungai Peroh | |

Rajah 5.3: Skematik Cadangan Menyediakan Bekalan Air Bersih Yang Cukup Dan Berterusan – Johor Tengah

a) Kg. Buau, Pulau Pemanggil, Mersing



b) Kg. Tanjung Balang, Pulau Tinggi, Mersing



c) Kg. Busong, Pulau Besar, Mersing

